

FUNGSI UMRAH

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

1. Peranan JAWHAR dalam pemerkasaan Umrah di Malaysia adalah:
 1. JAWHAR merupakan anggota Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) berdasarkan Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482). Peranan JAWHAR berdasarkan MKSU adalah melaksanakan kempen kesedaran dan advokasi kepada orang awam berkaitan penipuan pakej umrah yang sedang berleluasa di negara ini. Program ini yang membincangkan topik “Penipuan Umrah” juga adalah salah satu usaha advokasi kepada masyarakat.
 2. Satu Portal i-Umrah telah diwujudkan khas bagi menyalurkan maklumat mengenai agensi-agensi pengelola umrah yang sah sebagai rujukan dan panduan kepada bakal jemaah umrah negara ini. Portal ini menyediakan maklumat-maklumat seperti berikut:
 - (a) Senarai agensi pengelola umrah yang sah bagi menguruskan perjalanan jemaah umrah Malaysia; dan
 - (b) Butiran mengenai syarikat pengelola umrah seperti nama syarikat, nombor telefon dan faksimile.

- (c) Masyarakat boleh melayari Portal i-umrah di alamat umrah.jawhar.gov.my untuk mengetahui lebih lanjut. Selain itu, JAWHAR turut membantu menerbitkan bahan-bahan maklumat berkaitan fiqh ibadah umrah. Antara bahan berkaitan umrah yang diterbitkan adalah: Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah, Jurnal Pengurusan JAWHAR yang memuatkan artikel-artikel berkaitan pengurusan ibadah umrah dan *booklet* hebahan.
2. Perbezaan bidang kuasa MOTAC dengan JAWHAR adalah seperti berikut:
1. MOTAC melaksanakan fungsi-fungsi pelesenan dan penguatkuasaan kepada industri pelancongan termasuk Lesen khas umrah (LKU) secara cekap dan berkesan mengikut kehendak Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] serta peraturan-peraturan di bawahnya.
 2. Bidang kuasa JAWHAR pula melaksanakan kempen kesedaran dan advokasi kepada orang awam berkaitan penipuan pakej umrah yang sedang berleluasa di negara ini. Program ini yang membincangkan topik “Penipuan Umrah” juga adalah salah satu usaha advokasi kita kepada masyarakat.
 3. JAWHAR juga menjalankan program penataran fiqh ibadah dan fiqh muamalah umrah untuk manfaat agensi pengelola umrah dan orang awam.
 4. JAWHAR mengendalikan pertanyaan awam berkaitan pengurusan fiqh ibadah umrah.

3. Program yang dilaksanakan JAWHAR berkaitan Fungsi Umrah antaranya:

1. Promosi kesedaran penipuan pakej umrah melalui media massa, media elektronik dan media baharu.
2. Penerbitan Kapsul Kempen Kesedaran Penipuan Ibadah Umrah untuk siaran di media sosial.
3. Penerbitan infografik berkaitan pengurusan ibadah umrah untuk dimuat naik dalam media sosial.
4. Pertemuan Khas Ketua Pengarah JAWHAR Bersama Agensi Pengelola Umrah di Malaysia.
5. Bengkel Pembangunan Modul Kursus Pemantapan Mutawif Umrah.
6. Bengkel Pembangunan Manual Pengurusan Umrah Kanak-Kanak.
7. Kerjasama strategik pengendalian Kursus Umrah Specialized Enhancement Course (USEC).
8. JAWHAR Intellectual Discourse berkaitan pengurusan ibadah umrah.
9. Program Munaqashah Ilmu.
10. Klinik umrah.
11. Taklimat Penipuan Umrah secara berkala di seluruh negara.
12. Pameran berkaitan haji dan umrah.
13. Penyelarasian kandungan portal i-Umrah.
14. Menyediakan teks khutbah Jumaat mengenai penipuan umrah.

4. Peranan JAWHAR dalam Isu Penipuan Pakej Umrah di Malaysia:

1. JAWHAR telah melaksanakan program bimbingan dan taklimat bagi menangani penipuan pakej Umrah. Peranan JAWHAR berdasarkan MKSU adalah melaksanakan kempen kesedaran dan advokasi kepada orang awam berkaitan penipuan pakej umrah yang sedang berleluasa di negara ini. Program ini yang membincangkan topik “Penipuan Umrah” juga adalah salah satu usaha advokasi kita kepada masyarakat.
 2. JAWHAR telah menyediakan satu portal khas i-Umrah bagi menyalurkan maklumat mengenai agensi-agensi pengelola umrah yang sah sebagai rujukan dan panduan kepada bakal jemaah umrah negara ini.
5. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan dan diterbitkan oleh JAWHAR berkaitan Fiqh IbadahUmrah dan Fiqh Muamalah Umrah:
1. Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah.
 2. Jurnal Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Umrah.
 3. Artikel Penataran Fiqh Ibadah dan Fiqh Muamalah Umrah.
 4. Kajian Pengurusan Umrah Kanak-Kanak.
 5. Penerbitan Kapsul Kempen Kesedaran Penipuan Ibadah Umrah untuk siaran di media sosial.
 6. Penerbitan infografik berkaitan pengurusan ibadah umrah untuk dimuat naik dalam media sosial.
 7. Modul Kursus Pemantapan Mutawif Umrah.